

# ‘Menjiwai semula’ nilai integriti kekang rasuah sektor awam

Rasuah mungkin dianggap tajuk la-puk, namun topik ini perlu terus di-perkatakan mengambil kira kesan be-sarnya kepada bangsa dan tanah air.

Relevannya sudah tentu untuk men-cari solusi supaya rasuah tidak terus berleluasa, umpama sekam yang ti-ba-tiba menjadi bara.

Biarpun rasuah membabitkan isu umum, tumpuan utama tu-rut meliputi penjawat awam. Sekalipun hanya se-gelintir terbabit, dampak negatifnya boleh mencalar kewibawaan keseluruhan perkhidmatan awam nega-ra.

Insiden lolosnya pintu masuk negara, terlepasnya cukai hasil pendapatan ne-gara dan ketirisan peruntukan perolehan berbilion ringgit yang merugikan negara hingga kepada episod daging kartel, semuanya mengundang musibah jauh lebih besar jika tidak segera ditangani.

Amanat Ketua Pengarah Perkhidma-tan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, yang menyeru penjawat awam mengambil sikap ‘menjaga tepi kain orang’ perlu diberi perhatian un-tuk menyekat gejala yang diibarat ‘se-lumbur dalam daging’ ini daripada ber-terusan.

Penjawat awam perlu sedar matla-mat perkhidmatan untuk masyarakat hanya dicapai apabila sistem penyam-paan perkhidmatan awam dilaksana-penuh berintegriti.

Oleh itu, integriti perlu dilihat se-bagai kata kunci yang menjadi pra-syarat kejayaan peribadi dan institusi.

Seseorang penjawat awam diam-naikan kuasa dan tanggungjawab perlu bertindak secara telus serta mematuhi proses atau prosedur undang-un-dang ditetapkan.

Memahami maksud integriti dan amanat disampaikan, semua penjawat awam harus melakukan introspeksi terhadap kehidupan sepanjang menjawat, supaya tidak terjebak amalan tidak berintegriti, daripada se-kecil-kecil perkara hingga kepada sa-la guna kuasa dan rasuah.

Dalam erti kata lain, integriti men-jadi benteng yang menghalang amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Perkhidmatan sepatutnya disampai-kan berkesan dan telus dengan slogan ‘Berkhidmat Untuk Negara’, boleh sa-haja tergugat dengan motif keuntu-nan peribadi dalam pelbagai bentuk seperti duit kopi, pengeras, wang pelincir atau wang panas yang jelas ber-tentangan lunas undang-undang dan nilai murni, termasuk hukum agama.

Sungguhpun pelbagai inisiatif dan

usaha dilaksanakan kerajaan demi memperkuuhkan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam seperti penggubalan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993; pengenalan pelbagai dasar ber-mula dengan Dasar Penerapan Ni-lai-Nilai Islam; Dasar Bersih, Cekap dan Amanah; Dasar Tonggak 12; pe-lancaran Pelan Integriti Nasional hing-galah kepada penubuhan unit integriti di setiap agensi awam, namun gejala rasuah ini masih tidak berkesudahan.

Ini dibuktikan data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan 525 kes rasuah kalangan penjawat awam direkodkan pada 2019, diikuti 467 kes bagi pada 2020.

Data ini membawa ingatan kita ke-pada tiga dasawarsa lalu, ketika Steven Schlosstein dalam *Asia’s New Little Dragons: The Dynamic Emergence of In-donesia, Thailand and Malaysia*, me-nyebut rasuah yang berleluasa sebagai antara faktor besar yang menjelaskan pelaburan asing ke Malaysia.

Krisis keyakinan Schlosstein ini ju-ga turut dinyatakan Datuk Dr Siddiq Fadil dalam tulisannya ‘Jenayah Ko-lar Putih-Krisis Etika Pengurusan?’ di Berita Harian.

Semua ini ditambah pula dengan la-poran Indeks Persepsi Rasuah Ma-laysia 2020 yang masih jauh terkebel-a-

kang dibandingkan Singapura atau Brunei.

Meskipun data hanya angka, naratif di sebalik segala yang berlaku mem-beri isyarat yang menuntut sikap proaktif semua pihak supaya dapat membendung gejala ini daripada ber-terusan berlaku.

Ini boleh dijayakan dengan ‘menji-wai semula’ nilai integriti dalam posisi masing-masing. Bagi mendukung aspi-rasi ini, Universiti Malaysia Tereng-ganu (UMT) memperkenal siri pro-gram ‘UMT Pimpin’, dengan harapan di segenap lapisan kepemimpinan, mam-pu menyemarakkan penghayatan integriti dalam konteks universiti awam.

Sebagai kesimpulan, integriti adalah citra kesolehan atau akhlak mulia se-seorang penjawat awam.

Saranan ‘menjaga tepi kain orang’ perlu dilihat dalam konteks berbeza, iaitu sebagai *whistle blowers* dalam me-ngekang gejala rasuah daripada terus membarah.

Marilah kita bersama menghayati ni-lai integriti demi wibawa perkhidma-tan awam lebih cemerlang, supaya Ma-laysia mampu melangkah gagah lebih bermaruah!

**Penulis adalah Pendafturn Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**